

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(B)50

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

50. Apakah langkah pencegahan yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan insiden kebocoran gas seperti di Putra Heights tidak berlaku di Pulau Pinang?
- (a) Berapakah jumlah kilang atau fasiliti penyimpanan gas berisiko tinggi di negeri ini?
 - (b) Di manakah laluan paip gas industri utama yang melalui kawasan berpenduduk?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

50. Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) berperanan menguatkuasakan akta dan beberapa peraturan bagi memastikan keselamatan tempat kerja dan keselamatan daripada bahaya termasuk risiko kebocoran atau letupan gas iaitu melalui dua (2) akta seperti berikut:
- (i) Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (OSHA 1994) yang menekankan keperluan untuk memastikan tempat

kerja selamat daripada bahaya termasuk risiko kebocoran atau letupan gas; dan

- (ii) Akta Petroleum (Langkah-langkah Keselamatan) 1984 (PSMA 1984) yang mengawal selia aspek keselamatan saluran paip yang digunakan untuk mengangkut bahan petroleum.

Audit keselamatan ke atas operator talian paip (gas dan petroleum cecair) turut dilaksanakan oleh JKKP setiap tahun. Audit keselamatan yang dilaksanakan ini bertujuan menilai tahap pematuhan operator talian paip di seluruh Malaysia terhadap elemen pengurusan integriti, operasi, penyelenggaraan serta aspek teknikal lain. Bilangan operator yang dilaksanakan audit keselamatan sejak tahun 2022 adalah seperti **di Jadual 1**.

**Jadual 1 :BILANGAN OPERATOR AUDIT KESELAMATAN
YANG DIAUDIT (2022-2024)**

TAHUN	BILANGAN OPERATOR
2022	7
2023	14
2024	19

Antara pemeriksaan yang dijalankan oleh pihak JKKP adalah pemeriksaan pertama, ujian hidro statik (HT) dan pneumatik talian paip apabila menerima permohonan untuk proses pengeluaran Surat Kebenaran Mengendali (PTO). JKKP juga menjalankan pemeriksaan tempat penyimpanan produk petroleum setahun sekali di stesen minyak dan juga terminal. Secara umumnya, keputusan pemeriksaan adalah memuaskan dengan operator mematuhi keperluan perundangan yang dikuatkuasakan. Selain itu, JKKP turut menjalankan pemeriksaan mengejut ke atas talian paip yang tiada PTO dan mengeluarkan arahan supaya mematuhi peruntukan undang-undang.

Sebarang risiko kebocoran akan diuruskan secara berkala dan terkawal berdasarkan hasil pemeriksaan teknikal. Arahan tindakan pemulihan segera akan dikeluarkan kepada operator-operator yang berkenaan bagi memastikan sebarang risiko adalah terkawal.

Di pihak Kerajaan Negeri pula, pemantauan dilaksanakan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) yang akan meneliti perkara-perkara berkaitan dasar, strategi, arahan, pelan tindakan dan hala tuju pengurusan bencana termasuk isu-isu berkaitan. Mesyuarat ini dilaksanakan sebanyak

dua (2) kali setahun dan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Semua Jabatan dan Agensi yang berkaitan termasuk Pegawai-pegawai Daerah selaku Pengerusi Jawatankuasa Bencana Daerah (JPBD) turut terlibat dalam meneliti perkara ini.

- (a) Mengikut Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (JKKP) Negeri Pulau Pinang terdapat 34 Kilang/Syarikat Yang Aktif Di Pulau Pinang - Kategori Pepasangan Bahaya Besar. Senarai syarikat seperti di **LAMPIRAN A** yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan.
- (b) Lokasi laluan paip gas industri utama yang melalui kawasan berpenduduk disertakan sebagai **LAMPIRAN B** yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan.